

Jeanne terharu layanan warga Kepala Batas

UM- 16/6/2007

KEPALA BATAS 15 Jun - Datin Seri Jeanne Abdullah yang pertama kali berkunjung ke Kepala Batas selaku isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terharu dengan layanan mesra penduduk kawasan itu.

Perkahwinan pasangan itu yang genap seminggu esok, diraikan penuh bermakna oleh pen-

uduk Kepala Batas yang turut mengadakan majlis kesyukuran serta majlis tahlil dan bacaan Yasin di Masjid Al-Jamiul Badawi, berhampiran rumah Perdana Menteri di Kepala Batas.

"Alhamdulillah, saya gembira setelah melihat semua orang gembira," katanya ketika ditemui selepas menyertai majlis tahlil dan

bacaan Yasin bersama orang ramai yang diadakan selepas solat Jumaat di sini hari ini.

Turut serta Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Majlis tahlil itu diketuai Pengerusi Jawatankuasa Khariah Masjid Al-Jamiul Badawi, Datuk

Arshad Zakaria.

Menurut Jeanne, 53, kunjungannya di kawasan Parlimen suaminya hari ini bukan kali pertama.

Katanya, beliau pernah menjajakkan kaki ke Kepala Batas beberapa tahun lalu dan berhasrat untuk lebih kerap berkunjung ke kawasan Parlimen itu.

Kehadirannya di Kepala Batas hari ini yang didahului dengan menziarahi kubur ibu Abdullah, Allahyarham Datuk Kailan Hassan pada sebelah pagi, adalah kunjungan pertama Jeanne bersama suaminya ke negeri-negeri, sejak melangsungkan perkahwinan Sabtu lalu.

Abdullah sebelum ini pernah menyatakan akan membawa Jeanne melawat ke negeri-negeri sebaik sahaja melangsungkan perkahwinan mereka.

Sementara itu, kegembiraan Jeanne turut dikongsi dua anaknya, Nadiah, 29, dan Nadene, 27, yang juga hadir pada majlis kenduri kesyukuran berkenaan.

"Kami juga gembira melihat semua penduduk Kepala Batas menyambut beliau (Jeanne) yang kini isteri kepada Perdana Menteri," kata Nadiah yang sebelum ini pernah datang ke Kepala Batas.

Bagaimanapun pada masa yang sama, Nadiah turut menyuarakan rasa kekok dengan

sambutan besar-besaran seperti ditunjukkan penduduk Kepala Batas hari ini.

"Tidak biasa juga dengan tumpuan orang ramai kerana saya lebih suka bersikap *low profile*, lagipun saya rasa kurang selesa gambar diambil (oleh jurugambar dan orang ramai), sebaliknya lebih suka ambil gambar orang," ujarnya yang mengharapkan keadaan akan kembali normal dalam masa seminggu lagi.

Malah, menurut beliau, ibu mereka sendiri pun 'belum biasa' dengan publisiti dan sambutan yang diterima daripada orang ramai ketika menemani Perdana Menteri menghadiri sesuatu majlis.

Mengenai penerimaan kedua-dua beradik terhadap kesibukan ibu mereka yang akan menemani Perdana Menteri menghadiri tugas-tugas rasmi negara, Nadiah, berkata: "Tidak ada masalah kerana selama ini pun beliau (Jeanne) seorang yang sentiasa bekerja, tidak duduk diam dan sentiasa sibuk."

Menurut Nadiah, beliau tidak bercadang untuk tinggal di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya sebaliknya mahu terus menetap di rumah lama mereka di Petaling Jaya kerana lebih hampir dengan tempat kerjanya.



JEANNE Abdullah (tengah) berbual mesra dengan kaum wanita yang menyambut kedatangan beliau di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.